

Kemahiran sains teknologi hat-us dikongsi — PM

KUALA LUMPUR 29 Dis. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ilmu pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi tidak semedinya menjadi milik para ahli yang bergiat khas di bidang sains dan teknologi sahaja.

Sebaliknya kata beliau, maklumat tentang penemuan baru, kemahiran serta hasil sains dan teknologi haruslah dikongsi dengan kumpulan masyarakat lain yang memerlukan.

“Sehubungan dengan itu, majalah *Dewan Kosmik* dalam bahasa kebangsaan ini boleh memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat biasa Malaysia melalui penyaluran berita dan pandangan mengenai sains dan teknologi tempatan,” katanya dalam kata-kata aluan *Dewan Kosmik* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang dilancarkan hari ini.

Dr. Mahathir berharap, melalui majalah baru ini rakyat dapat digalakkan berfikir secara teratur dan membuat sesuatu keputusan berasaskan maklumat dan ilmu selaras dengan era industri yang sedang ditujui ini.

Timbalan Menteri Pendidikan, Dr. Leo Michael Toyad telah melancarkan majalah bulanan terbaru DBP itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Majalah itu memberi tumpuan kepada perkembangan ilmu, kegiatan dan penemuan sesuatu yang berhubungan dengan sains dan teknologi baik di dalam mahupun luar negara.